## Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Mac 2025

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI, MAC 2025

| Negeri | Eksport | Perubahan | Import | Perubahan |
|---|---|---|---|---|
| JOHOR | RM24.4 b | ▼ 5.3% | RM26.3 b | ▼ 18.5% |
| KEDAH | RM3.8 b | ▼ 18.9% | RM5.6 b | ▼ 3.3% |
| KELANTAN | RM0.4 b | ▲ 3.0% | RM0.2 b | ▼ 19.7% |
| MELAKA | RM3.0 b | ▲ 33.2% | RM2.5 b | ▼ 39.2% |
| NEGERI SEMBILAN | RM2.1 b | ▼ 16.6% | RM3.2 b | ▼ 31.1% |
| PAHANG | RM2.6 b | ▼ 23.5% | RM1.5 b | ▼ 21.3% |
| PULAU PINANG | RM51.9 b | ▲ 25.9% | RM27.5 b | ▲ 23.4% |
| PERAK | RM3.3 b | ▼ 28.3% | RM2.9 b | ▲ 6.4% |
| PERLIS | RM0.1 b | ▼ 11.4% | RM0.1 b | ▼ 55.5% |
| SELANGOR | RM25.9 b | ▲ 19.1% | RM27.6 b | ▲ 0.7% |
| TERENGGANU | RM1.7 b | ▼ 6.5% | RM0.5 b | ▼ 18.2% |
| SABAH | RM2.1 b | ▼ 19.7% | RM0.8 b | ▼ 1.6% |
| SARAWAK | RM9.6 b | ▼ 8.2% | RM2.3 b | ▼ 18.9% |
| W.P. KUALA LUMPUR | RM5.3 b | ▼ 8.7% | RM9.9 b | ▲ 13.5% |
| W.P. LABUAN | RM0.5 b | ▼ 26.2% | RM0.2 b | ▼ 18.3% |

▲▼ Semua perubahan berdasarkan perbandingan tahun-ke-tahun

Petunjuk: Eksport | Import

## 5 NEGERI PENGEKSPORT UTAMA

1 2 3 4 5

**Lima negeri** menguasai eksport negara dengan menyumbang **85.2** peratus

Nota:
- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau perikraran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Sumber: Statistik Eksport Import Mengikut Negeri Mac 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

# Jumlah perdagangan bagi tiga negeri merekodkan perkembangan positif bernilai RM148.0 bilion pada bulan Mac 2025

- Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM249.9 bilion pada Mac 2025 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM137.3 bilion dan RM112.6 bilion.

- Eksport bernilai RM137.3 bilion pada Mac 2025, meningkat sebanyak RM8.7 bilion (+6.8%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di empat negeri iaitu Pulau Pinang (+RM10.7 bilion), Selangor (+RM4.2 bilion), Melaka (+RM744.9 juta) dan Kelantan (+RM12.1 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di Johor sebanyak RM1.4 bilion, Perak (-RM1.3 billion), Kedah (-RM883.7 juta), Sarawak (-RM849.2 juta), Pahang (-RM798.0 juta), Sabah (-RM519.2 juta), W.P. Kuala Lumpur (-RM500.4 juta), Negeri Sembilan (-RM413.5 juta), W.P. Labuan (-RM180.7 juta), Terengganu (-RM116.3 juta) dan Perlis (-RM12.2 juta).

- Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 37.8 peratus, diikuti oleh Selangor (18.9%), Johor (17.8%), Sarawak (7.0%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.8%).

- Sebaliknya, import pada bulan Mac 2025 menurun RM3.3 bilion (-2.8%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2024. Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM6.0 bilion), Melaka (-RM1.6 bilion), Negeri Sembilan (-RM1.5 bilion), Sarawak (-RM535.8 juta), Pahang (-RM410.0 juta), Kedah (-RM192.0 juta), Terengganu (-RM102.9 juta), Perlis (-RM94.2 juta), Kelantan (-RM55.9 juta), W.P. Labuan (-RM47.2 juta) dan Sabah (-RM13.0 juta). Walau bagaimanapun, nilai import meningkat di Pulau Pinang sebanyak RM5.2 bilion, W.P. Kuala Lumpur (+RM1.2 bilion), Selangor (+RM192.5 juta) dan Perak (+RM173.2 juta).

- Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 24.5 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (24.4%), Johor (23.4%), W.P. Kuala Lumpur (8.8%) dan Kedah (4.9%).